UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



SESI
2026/
2027

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN DEKAN	I
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)	II
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI	1
LATAR BELAKANG UMT	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL	3
MAKLUMAT AM	4
KEMUDAHAN MAKMAL	5
TUGAS DAN PERANAN MENTOR	7
PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
KETUA PROGRAM PENGAJIAN	11
PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN	12

Kata Alu-aluan Dekan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi Akademik 2026/2027 dapat disempurnakan. Pada sesi ini, FPEPS menawarkan lapan program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA, iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi), Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam), Sarjana Muda Perakaunan, Sarjana Muda Kaunseling, Sarjana Muda Kewangan, dan Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim, kesemuanya dengan Kepujian.

Fakulti mengalu-alukan kehadiran anda sebagai warga baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Tahniah kerana terpilih untuk melanjutkan pengajian di FPEPS. Manfaatkanlah peluang ini sebaik-baiknya sepanjang tempoh pengajian dengan komitmen, disiplin dan kesungguhan. Warga fakulti sentiasa bersedia untuk membimbing dan membantu anda mencapai kecemerlangan akademik, sahsiah dan peribadi.

FPEPS komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berdaya saing yang memenuhi keperluan semasa serta kehendak dunia pekerjaan. Beberapa program turut mendapat pengiktirafan badan profesional, antaranya program Perakaunan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW, CIMA dan CPA Australia, program Kaunseling oleh Lembaga Kaunselor Malaysia, serta program Kewangan oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC). Fakulti juga disokong oleh tenaga akademik yang berkelayakan dan berpengalaman serta jaringan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang membuka ruang kepada pelajar untuk memperluas pengalaman dan jaringan antarabangsa.

Selain pembelajaran di dalam bilik kuliah, pelajar berpeluang menyertai pelbagai aktiviti akademik, kepimpinan, kesukarelawanan, mobiliti dan kokurikulum di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan universiti. Penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti, program pengajian dan kelab-kelab pelajar akan membantu membentuk kemahiran insaniah, kepimpinan dan profesionalisme yang penting untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda hendaklah sentiasa peka terhadap peraturan akademik serta memanfaatkan sepenuhnya peluang pembelajaran yang disediakan. Gunakan kemudahan dan teknologi digital secara berhemah bagi menyokong pembelajaran anda, di samping sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat apabila diperlukan.

Akhir kata, rancanglah pengajian anda dengan sebaik-baiknya, bina kecemerlangan secara konsisten dan bersedialah menghadapi cabaran serta perubahan dunia semasa. Semoga segala usaha anda membuahkan kejayaan yang memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadikanlah Buku Panduan ini sebagai rujukan sepanjang tempoh pengajian anda di FPEPS.

Selamat maju jaya. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Nazli bin Aziz
Dekan
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
27/9/2026 – 3/10/2026	**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU JALINAN MESRA**	
MINGGU 1-4 4 – 31/10/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 (Minggu 1 & 2 Sahaja)	
MINGGU 5-7 1 – 21/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur) ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 6 (8 & 9 November 2026)*	**Hari Deepavali** 8/11/2026 (Ahad)
MINGGU 8 22 – 28/11/2026	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 29/11/2026 – 5/12/2026	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid Minggu 12 (24 Dis 2026) & 13 (27 Dis 2026)*	**Hari Krismas** 25/12/2026 (Jumaat)
MINGGU 14 3 – 9/1/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Israj Mikraj** 6/1/2027 (Rabu)
10 – 16/1/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
MINGGU 15-17 17/1/2027 – 6/2/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Tahun Baru Cina** 6 - 7/2/2027 (Sabtu - Ahad)
7/2/2027 – 6/3/2027	**CUTI ANTARA SEMESTER**	**Tahun Baru Cina (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 8/2/2027 (Isnin) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Rabu) **Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER I: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
27/9/2026 – 3/10/2026	REGISTRATION AND ORIENTATION FOR NEW STUDENTS	
WEEK 1-4 4/10/2026 – 31/10/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study - Application for Credit Transfer for First Year Student (Week 1 & 2 only)	
WEEK 5-7 1 – 21/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop) ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 6 (8 & 9 Nov. 2026)*	
WEEK 8 22 – 28/11/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Registration (Drop)	
WEEK 9 29/11/2026 – 5/12/2026	CLASSES/ LECTURES - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 6/12/2026 – 2/1/2027	CLASSES/ LECTURES ** (Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 12 (24 Dec 2026) & 13 (27 Dec 2026)*	**Christmas Day** 25/12/2026 (Friday)
WEEK 14 3 – 9/1/2027	CLASSES/ LECTURES - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Israj Mikraj Holiday** 6/1/2027 (Wednesday)
10 – 16/1/2027	STUDY WEEK	
17/1/2027 – 6/2/2027	FINAL EXAMINATION - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Chinese New Year** 6 – 7/2/2027 (Saturday-Sunday)
7/2/2027 – 6/3/2027	SEMESTER BREAK	**Chinese New Year Holiday** 8/2/2027 (Monday) **Nuzul Al-Quran** 24/2/2027 (Wednesday) **Sultan of Terengganu's Coronation** 4/3/2027 (Thursday)

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1 7 – 13/3/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 1 (7 – 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 5-7 4 – 24/4/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	**Hari Keputeraan Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Isnin) **Hari Pekerja** 1/5/2027 (Sabtu) **Hari Pekerja (Kelepasan Am Negeri Terengganu)** 2/5/2027 (Ahad)
MINGGU 9 2 – 8/5/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**KULIAH** ** (Kuliah pdp secara Bersemuka/ Dalam Talian/ Hybrid pada Minggu 11 (16 – 22 Mei 2027)*	**Hari Ulangtahun Pertabalan Sultan Terengganu** 4/3/2027 (Khamis) **Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Rabu-Khamis)
MINGGU 14 6 – 12/6/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Awal Muharram** 6/6/2027 (Ahad) **Hari Keputeraan YDP Agong** 6/6/2027 (Ahad)
13/6/2027 – 19/6/2027	**MINGGU ULANG KAJI**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SEMESTER II: SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1 7 – 13/3/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly hybridly Classes for Week 1 (7 & 13 Mac 2027)*	**Hari Raya Aidilfitri** 10 - 11/3/2027 (Wednesday - Thursday)
WEEK 2-4 14/3/2027 – 3/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Credit Transfer (First Year Student) - Application for Deferment of Study	
WEEK 5-7 4 – 24/4/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 8 25/4/2027 – 1/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	**Birthday Of Sultan Terengganu** 26/4/2027 (Monday) **Labour Day** 1/5/2027 (Saturday) **Labour Day Holiday** 2/5/2027 (Sunday)
WEEK 9 2 – 8/5/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 10-13 9/5/2027 – 5/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP) *(Lectures will be held Face to face/ On-line/ hybridly Classes for Week 11 (16-22 May 2027)*	**Arafah Day & Hari Raya Aidiladha** 16 - 18/5/2027 (Sunday -Tuesday) **Wesak Day** 20/5/2027 (Thursday)
WEEK 14 6 – 12/6/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Awal Muharam** 6/6/2027 (Sunday) **Birthday Of YDP Agong** 7/6/2027 (Monday)
13/6/2027 – 19/6/2027	**STUDY WEEK**	
20/6/2027 – 10/7/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-9 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.

Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2026/2027

TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 25/7/2027– 7/8/2027	**KULIAH** - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 8 – 14/8/2027	**KULIAH** - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 15 – 28/8/2027	**KULIAH**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Ahad)
MINGGU 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**KULIAH** - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	**Hari Kebangsaan** 31/8/2027 (Selasa)
MINGGU 9 5 – 11/9/2027	**PEPERIKSAAN AKHIR** - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat https://mynemo.umt.edu.my
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di https://www.facebook.com/AkademikUMT/ untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

ACADEMIC CALENDAR (DEGREE)

SHORT SEMESTER : SESSION 2026/2027

DATE/WEEK	ACTIVITY	PUBLIC HOLIDAYS
WEEK 1-2 11/7/2027 – 24/7/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Add & Drop) - Application for Deferment of Study	
WEEK 3-4 25/7/2027 – 7/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Registration (Drop)	
WEEK 5 8 – 14/8/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Course Review and Confirmation	
WEEK 6-7 15 – 28/8/2027	**CLASSES/ LECTURES**	**Maulidur Rasul** 15/8/2027 (Sunday)
WEEK 8 29/8/2027 – 4/9/2027	**CLASSES/ LECTURES** - Issuance of Examination Slip - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	**Merdeka Day** 31/8/2027 (Tuesday)
5 – 11/9/2027	**FINAL EXAMINATION** - Online Teaching Evaluation (e-SPP/TEP)	

REMINDER

- Students may check all academic information through the student's portal at https://mynemo.umt.edu.my
- Students are required to verify the courses that have been registered by week-5 of the current semester'
- For the final year students, please refer to Graduating Module *(Modul Layak Bergraduat)* in the student's portal.
- Students are required to refer to Academic Rules And Regulations, Latest Edition through the student's portal for detailed Course Registration Regulation.
- Visit Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT Facebook at https://www.facebook.com/AkademikUMT/ for the latest news and update.

Note: All the above dates are subject to change.

Center for Academic Development and Management, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkukuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan. Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 8 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

Program	Tahun
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3
Sarjana Muda Psikologi dengan Pengurusan Maritim	3.5


PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KHUSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



MAKLUMAT AM

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	Lemah
40-44	D	1.00	
< 39	F	0.00	Gagal

SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Cemerlang	Distinction
2.00 - 3.66	Kepujian	Honours

KEMUDAHAN MAKMAL



MAKMAL KOMPUTER



MAKMAL KAUNSELING









TRADING ROOM

TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**
  - Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**
  - Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**
  - Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**
  - Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**
  - Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**
  - Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**
  - Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.
- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**
  - Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.
- **Merujuk Kepada Pakar**
  - Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

DRESS CODE

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
- Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
- Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-

Berskirt di atas paras lutut	Berseluar jeans
Berbaju T tanpa kolar	Berseluar / berskirt ketat
lengan Berbaju tanpa lengan	Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepasi paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

UMT

PERATURAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





BAJU KASUAL



BAJU FORMAL



BAJU KORPORAT



BAJU MELAYU / KURUNG



BAJU SUKAN

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Peraturan Etika Berpakaian Pelajar Universiti Malaysia Terengganu boleh mengimbas Kod QR yang tertera

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Seksyen Tajaan dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Terengganu melalui talian 09-6684323

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz

Dekan



Profesor Madya Dr Azwadi Ali

Timbalan Dekan (Akademik & HEP)



Profesor Madya Dr. Nik Hazimah Nik Mat

Timbalan Dekan (Siswazah)



Profesor Madya Dr. Zairihan Abdul Halim

Timbalan Dekan (Bakat & Penyelidikan)



Cik Wan Zawati Wan Jaafar

Penolong Pendaftar Kanan



Puan Syahirah Wahida Mohamad

Pegawai Eksekutif 9

KETUA PROGRAM PENGAJIAN

PRA-SISWAZAH



Ketua Program SM Kaunseling

Dr. Raba`Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof



Ketua Program SM Perakaunan

Dr. Norazlina Ilias



Ketua Program SM Pengurusan (Pemasaran)

Dr. Sarina Ismail



Ketua Program SM Ekonomi (Sumber Alam):

Dr. Muhammad Najit Sukemi



Ketua Program SM Kewangan

Dr. Siti Nurain Muhmad



Ketua Program SM Pengurusan (Pengajian Polisi):

Dr. Norfatiha Othman



Ketua Program SM Pengurusan Pelancongan

Dr. Mohd Rahimi Abdul Halim



Ketua Program SM Psikologi dengan Pengurusan Maritim

Profesor Madya Dr Raja Zirwatul Aida

PASCA-SISWAZAH



Ketua Bidang Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Profesor Madya Dr. Hayatul Safrah Salleh



Ketua Bidang Sarjana Kaunseling

Profesor Madya Dr. Siti Salina Abdullah



Ketua Bidang Sarjana Ekonomi

Profesor Madya Dr.Mahirah Kamaludin



Ketua Bidang Sarjana Pengurusan Zon Pantai Bersepadu

Dr. Aleff Omar Shah Nordin

SENARAI PENSYARAH



Dr. Norfatiha Othman
Ketua Program Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian
Ph.D Perubahan Sosial dan Pembangunan (UKM)
M.Sc Pengajian Sosial (UMT)
Bac. Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) (UMT)
Bidang Kepakaran: Pembangunan dan Perubahan Sosial
norfatiha.othman@umt.edu.my
09-6683484



Profesor Madya Dr. Nazli Aziz
Dekan
Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial
PhD Political Studies (UoA),
M.A. Political Science (Leiden), M.A. Southeast Asian Studies (UM)
B.A. Southeast Asian Studies (Hons) (UM)
Bidang Kepakaran: Sains Politik, Polisi Awam
nazli_aziz@umt.edu.my
096683812



Profesor Madya Dr. Rosyidah Muhamad
Ph.D Politik (La Trobe)
M.A Pengajian Antarabangsa (Leeds)
B.A Sains Politik (UIAM)
Bidang Kepakaran: Sains Politik, Polisi Awam
Portfolio: PenyelarasPromosi & Publisiti
rosyidah@umt.edu.my
096683479



Profesor Madya Dr. Nor Hayati Sa'at
Ph.D Sosiologi Pembangunan (UUM)
M. Phil. Sosiologi (UKM)
B.A. (Hons.) Sains Sosial (UKM)
Bidang Kepakaran: Sosiologi Pembangunan
norhayati@umt.edu.my
096683267



Profesor Madya Dr. Mohd Yusri Ibrahim
Ph.D Organizational Communication (UMT)
M. Sc Educational Administration (UPM)
Bac. Applied Science (USM)
Bidang Kepakaran: Komunikasi Politik, Komunikasi Organisasi & Komunikasi Kepimpinan
yusri@umt.edu.my
096683483



Profesor Madya Dr. Zikri Muhammad
Ph.D Urban Geography (UKM)
M.A. Regional and Industrial Planning (USM)
Bac. Bussiness Admin (UPM)
Bidang Kepakaran: Geografi dan Pengurusan Persekitaran
Portfolio: Penyelaras Mobiliti
zikri@umt.edu.my
096683181



Profesor Madya Dr. Roslina Ismail
Ph.D Politik dan Hubungan Antarabangsa (Keele)
M.A. Sains Politik (UKM)
B.A. Sains Politik (UKM)
Bidang Kepakaran: Politik dan Hubungan Antarabangsa
roslina@umt.edu.my
096684860



Dr. Rahaya Md. Jamin
Ph.D Pengurusan dan Perancangan Bandar (USM)
M. Pengurusan Persekitaran (UKM)
B.A. (Hons) Geografi (UM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan & Perancangan Bandar, Pengurusan Persekitaran
Portfolio: Penyelaras Data & Strategi
rahaya.jamin@umt.edu.my
096683275



Dr. Siti Aisyah Saat
Ph.D Kelestarian dan Polisi Alam Sekitar (Strathclyde)
M. Pengurusan Persekitaran (UKM)
B. (Hons) Geografi (UKM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan Persekitaran
s.aisyah@umt.edu.my
096683564



Ts. Dr. Latifah Abdul Ghani
Ph.D Environmental Technology and Management (UMT)
M.A. Environmental Management (UM)
Bac. Environmental Science (UMS)
Bidang Kepakaran: Teknologi dan Pengurusan Persekitaran
latifah.ghani@umt.edu.my
096684954

SENARAI PENSYARAH



Dr. Rohana Ahmad
Ph.D (Public Management and Policy) (UUM)
Master (Public Management) (UUM)
Bac. (Public Management) (UUM)
Diploma (Business Study) (UiTM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan Awam dan Sains Politik
rohana.a@umt.edu.my
096684954



Dr. Yulita
Ph.D (Work Psychology) (UM)
B.A (Anthropology and Sociology) (UM)
Bidang Kepakaran: Psikologi Kerja, Antropologi dan Sosiologi
yulita@umt.edu.my
096685011



Dr. Abdul Rahman Abd. Latip
Ph.D (Policy and Planning) (USM)
M.Sc (Public Services Policy and Management) (KCL)
Bachelor of Administrative Science (Hons) (UiTM)
Diploma in Public Administration, UiTM
Bidang Kepakaran: Pengajian Polisi
rahmanlatip@umt.edu.my
096683306



Dr. Siti Hajar Kamaruddin
Ph.D (Pembangunan Manusia) (UKM)
M.Sc (Pengajian Belia) (UPM)
Bac. (Pembangunan Manusia) (UKM)
Bidang Kepakaran: Pembangunan Manusia, Pengajian Belia
Portfolio: Penyelaras Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA)
s.hajar@umt.edu.my
096685046



Dr. Siti Munirah Mauzud
Ph.D Sosiologi dan Polisi Sosial (Durham)
Sarjana Antarabangsa Integrasi Serantau (UM)
Bac. Sc. Gunaan Dengan Pengajian Islam (Hons) (UM)
Bidang Kepakaran: Pembangunan Komuniti
s.munirah@umt.edu.my
096683166



Dr. Mohd Shawan Mohd Arifin
Ph.D Analisa Kewangan dan Pengajian Polisi (UUM)
M.A Sains Pentadbiran (UiTM)
Bac. (Hons) Pentadbiran Korporat (UiTM)
Diploma Pentadbiran Awam (UiTM)
Bidang Kepakaran: Pengajian Polisi
Portfolio: Penyelaras Kualiti
m.shazwan@umt.edu.my
096684309



Dr. Jeniboy Kimpah
Ph.D Human Resource Management (USM)
M.Education (Education Administration) (UPM)
Bac. Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) (UMT)
Bidang Kepakaran: Pengajian Polisi, Pengurusan Sumber Manusia
Portfolio: Penasihat Kelab dan Risiko
jeniboy.kimpah@umt.edu.my



Dr. Mohd Hadri Mohd Riffin
Ph.D (Antropologi dan Sosiologi), UKM
Master (Antropologi dan Sosiologi), UKM
Bac. Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial), UMT
Bidang kepakaran: Pembangunan Komuniti
Portfolio: Penyelaras Alumni
hadri@umt.edu.my



Puan Rozita Muhamad Nawi
M. Pengurusan Persekitaran (UKM)
B.A. Geografi (UM)
Bidang Kepakaran: Pengurusan Persekitaran
Portfolio: Penyelaras Latihan Industri dan JKLI
rozitamn@umt.edu.my
096683202

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian menawarkan suatu peluang pengajian yang unik yang mana mempunyai kepelbagaian disiplin seperti polisi dan pentadbiran awam, sains politik, sosiologi, pembangunan komuniti, ekonomi dan pengurusan persekitaran. Ia menyokong pendekatan multidisiplin dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk pelajar bagi menggubal dan menganalisis polisi. Pelajar perlu mempunyai pelbagai pengetahuan dalam pelbagai bidang sebagai asas untuk memahami masalah masyarakat dan bagaimana kerajaan dan rakyat menanganinya. Dengan itu, ianya dapat memupuk pemikiran kritis, penyelesaian masalah secara kreatif dan penyelidikan dalam kalangan pelajar. Justeru itu, pelajar boleh menggunakan situasi penyelesaian masalah dengan lebih kreatif dan berkualiti dalam dunia sebenar demi mencari jawapan kepada pembelajaran mereka. Ini merupakan antara beberapa kelebihan yang ditawarkan oleh program ini yang perlu diperkukuhkan untuk mencapai suatu keadaan pembangunan sosial yang lebih baik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini turut disediakan dengan panduan teori dan praktikal bagi menyertai kerjaya yang baik dalam sektor awam, swasta dan komuniti. Mereka merupakan social entreprenuers, penganalisis polisi, penasihat kepada kerajaan and juga sebagai penjawat awam seperti pegawai tadbir dan diplomatik, ahli akademik, pegawai perhubungan awam dan juga pendidik. Mereka merupakan graduan yang akan menumpukan kepada cabaran-cabaran global yang kita hadapi kini. Mereka boleh menggunakan pelbagai kemahiran yang mereka ada seperti analisis kuantitatif dan kualitatif, ekonomi, pentadbiran dan pengurusan untuk di aplikasikan dalam menyelesaikan masalah sosial masakini.

PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN

Objektif

1. Menjadi program yang unggul dalam kesarjanaan dan kepemimpinan akademik dalam bidang pembangunan sosial dan ekonomi dengan penekanan kepada nilai modal insan dan kelestarian sumber alam di peringkat nasional dan antarabangsa.
2. Menjana dan memartabatkan gabungan ilmu berteraskan hubungan timbal balik manusia dan alam sekitar menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai visi universiti.
3. Melahirkan graduan yang terlatih dalam bidang ilmu pengajian sains sosial dan kemanusiaan yang mempunyai daya saing dan berwawasan dalam tindakan.
4. Menyediakan tenaga kerja profesional yang prihatin terhadap polisi dan pengurusan alam sekitar bagi pembangunan negara yang mapan.

Syarat Kemasukan Program

Bil.	Lepasan	Syarat
1.	STAM	1. Mendapat sekurang-kurangnya JAYYID pada peringkat STAM. 2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
2.	DKM / DLKM / DVM / DIPLOMA ILKA / IPTS / LUAR NEGARA / LAIN-LAIN DIPLOMA	1. Mempunyai kelulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diperakukan oleh Senat Universiti dalam bidang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 2. Lepasan SPM • Minimum Gred C di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik; ATAU Lepasan SVM • PNGK Akademik 2.67 dan ke atas • Lulus Gred C pada matapelajaran Matematik 1, 2, 3 dan 4 atau setaraf 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
3.	DIPLOMA UNIVERSITI AWAM / POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI	1. Memiliki Diploma dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon dengan PNGK 2.67 dan ke atas. 2. Mendapat Gred D pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
4.	MATRIKULASI / ASASI	1. Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat Matrikulasi. 2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
5.	STPM – KATEGORI A STPM (SASTERA)	1. Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat STPM. 2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
6.	KELAYAKAN SETARAF - KATEGORI F - F3 - SEKOLAH SUKAN (SSBJ/SSTMI/SSMP)	1. Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67 pada peringkat Matrikulasi. 2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred D dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM. 3. Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

Pindah kredit

KATEGORI	NO	KOD	KURSUS	KREDIT	CADANGAN SYARAT
Teras Umum Universiti	1	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2	1. Jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi 2. Gred minimum skor adalah C
	2	MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	
	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	
			Jumlah Kredit	**6**	
Teras Program	1	POL3133	Pengantar Sains Politik	3	1. Jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi 2. Gred minimum skor B 3. Aras minimum taksonomi kognitif (C3) atau lebih tinggi di peringkat Diploma 4. Kandungan kursus pengajian adalah memenuhi 80% persamaan antara peringkat Diploma dan Ijazah
	2	POL3223	Teori Pentadbiran Awam	3	
	3	POL3323	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial	3	
	4	ECO3013	Pengenalan kepada Mikroekonomi	3	
	5	POL3413	Pengurusan Modal Insan	3	
	6.	POL4513	Hubungan Antarabangsa	3	
	7.	POL3123	Pengenalan Pengurusan Dasar Awam	3	
			Jumlah Kredit	**21**	
Kursus Elektif Bidang	1	MGM3003	Elektif 5 Prinsip pengurusan	2	1. Jumlah kredit yang sama atau lebih tinggi 2. Gred minimum skor B
			Jumlah Kredit	**2**	
	JUMLAH CADANGAN PEMINDAHAN KREDIT			**29**	
	JUMLAH KREDIT BERGRADUAT PENUH			**123**	
	% PINDAH KREDIT			**19%**	

Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah **123** jam kredit. Agihan kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	16
Teras Program	70	57
Elektif	33	27
Jumlah	**123**	**100**

Kurikulum Program

Kod	Teras Universiti	Kredit	Prasyarat
MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa	2	-
MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa	2	-
MPU3152	Integriti dan Anti Rasuah	2	-
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan	2	-
COM3112	Bahasa Melayu Komunikasi	2	-
CCM3112	Santuni Komuniti	2	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	-
CCXXXXX	Ko kurikulum	2	-

Kod	Teras Program	Kredit	Prasyarat
POL3113	Pengantar dan Falsafah Sains Sosial	3	-
POL3123	Pengenalan Pengurusan Dasar Awam	3	-
POL3133	Pengantar Sains Politik	3	-
POL3213	Pengenalan Pengurusan Komuniti	3	-
POL3223	Teori Pentadbiran Awam	3	-
POL3233	Pembentukan Dasar Awam	3	-
POL3313	Etika Pengurusan Awam	3	-
POL3323	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial	3	-
ECO3013	Pengenalan kepada Mikroekonomi	3	-
POL3413	Pengurusan Modal Insan	3	-
POL3423	Komperatif Dasar Awam	3	-
ECO3023	Pengenalan kepada Makroekonomi	3	-
POL3414	Statistik dan Analisis Data	4	-
ECO4373	Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia	3	-
POL4513	Hubungan Antarabangsa	3	-
POL4524	Analisis Polisi Awam	4	-
POL4613	Penilaian dan Pemantauan Program	3	-
POL4623	Komuniti dan Sistem Governan ASEAN	3	-
POL4633	Polisi dan Pengurusan Persekitaran di Malaysia	3	-
POL4643	Ekonomi Politik	3	-
POL4978	Latihan Industri	8	-

Kod	Elektif Program	Kredit	Prasyarat
POL3023	Pembangunan Manusia dan Polisi Sosial	3	-
POL3063	Sosiologi Industri	3	-
POL4043	Perubahan Sosial Dan Pembangunan	3	-
POL4023	Demografi dan Dinamik Populasi	3	-
POL3033	Perancangan dan Pembangunan Lestari	3	-
POL4033	Penilaian Impak Sosial	3	-
POL4053	Polisi Kependudukan Dan Demografi Malaysia	3	-
POL3053	Sosiologi Perbandaran	3	-
POL3042	Pengenalan Perancangan Srategik	2	-
POL4013	Pelaksanaan Dasar Awam	3	-
MGM3003	Prinsip pengurusan		

Kod	Elektif	Kredit	Prasyarat
POL4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3	-
POL4993	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3	-

Kursus Elektif Program

Pelajar perlu mengambil 10 kursus elektif program (29 jam kredit) yang ditawarkan oleh Program Pengajian Polisi.

Kursus Elektif Projek Ilmiah Tahun Akhir

Pelajar perlu memilih kursus POL4983 (Projek Ilmiah Tahun Akhir [PITA] I) atau POL4993 (Projek Ilmiah Tahun Akhir [PITA] II) **ATAU** dua kursus elektif bebas yang ditawarkan oleh mana-mana fakulti atau pusat pengajian di UMT (6 jam kredit).

Objektif pembelajaran program (Program Educational Objectives – PEO)

Program Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) akan menghasilkan graduan yang;

1. Pegawai Tadbir yang berpengetahuan dan berupaya mengaplikasi kemahiran dalam polisi serta mampu memenuhi keperluan industri.
2. Berkomunikasi secara efektif dan berupaya memimpin secara bertanggungjawab serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pembangunan kendiri dalam pengurusan polisi.
3. Berupaya merancang dan menguruskan hubungan dalam kumpulan dan organisasi serta mempraktiskan ilmu pengurusan polisi secara beretika dan profesional.
4. Berupaya menonjolkan kemahiran keusahawanan dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran digital dengan disokong oleh kemahiran kuantitatif untuk menganalisa isu dalam polisi.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO		Hasil Pembelajaran Program
PLO1	Knowledge & Understanding	Menerangkan konsep, prinsip, teori dan fakta berkaitan dengan bidang pengurusan polisi.
PLO2	Cognitive Skills	Mengaplikasikan ilmu untuk menyelesaikan masalah pengurusan polisi secara kualitatif dan kuantitatif.
PLO3	Practical Skills	Mampu mengaplikasikan kemahiran teknikal berkaitan bidang polisi.
PLO4	Interpersonal Skills	Mampu merancang dan mengurus polisi dalam organisasi.
PLO5	Communication Skills	Mampu berkomunikasi secara berkesan dalam bidang berkaitan pengurusan polisi.
PLO6	Digital Skills	Mengaplikasikan kemahiran digital secara berkesan dalam menganalisis dan menilai maklumat berkaitan pengurusan polisi.
PLO7	Numeracy Skills	Menggunakan data kuantitatif dan kualitatif dalam mentafsirkan maklumat berkaitan polisi.
PLO8	Leadership, Autonomy & Responsibility	Mampu memimpin secara berkesan, autonomi dan bertanggungjawab dalam pengurusan polisi di organisasi.
PLO9	Personal Skills	Mengenal pasti keperluan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi pembangunan kendiri dalam pengurusan polisi.
PLO10	Entrepreneurship skills	Menunjukkan pemikiran inovatif dan keusahawanan dalam mengenal pasti peluang dan mencadangkan penyelesaian strategik berkaitan polisi.
PLO11	Ethics & Profesionalism	Mengamalkan nilai, etika dan moral profesional dalam pengurusan polisi.

SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN
SESI 2026/2027

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit	Pra-Syarat	Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra-Syarat
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
POL3113	Pengantar dan Falsafah Sains Sosial	3 (3+0)	Tiada	POL3213	Pengenalan Pengurusan Komuniti	3 (3+0)	Tiada
POL3123	Pengenalan Pengurusan Dasar Awam	3 (3+0)	Tiada	POL3223	Teori Pentadbiran Awam	3 (3+0)	Tiada
POL3133	Pengantar Sains Politik	3 (3+0)	Tiada	POL3233	Pembentukan Dasar Awam	3 (3+0)	Tiada
MPU3232	Pengenalan kepada Keusahawanan	2 (2+0)	Tiada	MPU3152	Integriti dan Anti Rasuah	2 (2+0)	Tiada
COM3122	Bahasa Melayu Komunikasi	2 (2+0)	Tiada	MPU3192	Aspirasi Negara Bangsa	2 (2+0)	Tiada
CCM3112	Santuni Komuniti	2 (0+2)	Tiada	MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa	2 (2+0)	Tiada
	Elektif 1	3			Elektif 2	3	
CCxxxxx	Kokurikulum	2 (0+2)			Elektif 3	2	
Jumlah		**20**		**Jumlah**		**20**	
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
POL3313	Etika Pengurusan Awam	3 (3+0)	Tiada	POL3413	Pengurusan Modal Insan	3 (3+0)	Tiada
POL3323	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial	3 (3+0)	Tiada	POL3423	Komperatif Dasar Awam	3 (3+0)	Tiada
ECO3013	Pengenalan kepada Mikroekonomi	3 (3+0)	Tiada	ECO3023	Pengenalan kepada Makroekonomi	3 (3+0)	Tiada
BBB3013	*Academic Writing Skills*	3 (3+0)	MUET (Bands 3-6)	POL3414	Statistik Dan Analisis Data	4 (4+0)	Tiada
	Elektif 4	3		BBB3033	*English for Occupational Purposes*	3 (3+0)	Tiada
	Elektif 5	2			Elektif 7	3	
	Elektif 6	2					
Jumlah		**19**		**Jumlah**		**19**	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
ECO4373	Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia	3 (3+0)	Tiada	POL4613	Penilaian dan Pemantauan Program	3 (3+0)	Tiada
POL4513	Hubungan Antarabangsa	3 (3+0)	Tiada	POL4623	Komuniti Dan Sistem Governan ASEAN	3 (3+0)	Tiada
POL4524	Analisis Dasar Awam	4 (4+0)	Tiada	POL4633-E	Polisi dan Pengurusan Persekitaran di Malaysia	3 (3+0)	Tiada
	Elektif 8	3		POL4643	Ekonomi Politik	3 (3+0)	Tiada
	Elektif 9	3			Elektif 11	3	
POL4983	PITA 1 / Elektif 10	3 (0+3)/3	Tiada	POL4993	PITA II / Elektif 12	3 (0+3)/3	Tiada
Jumlah		**19**			**Jumlah**	**18**	
SEMESTER 7				SEMESTER 8			
POL4978	Latihan Industri	8 (0+8)	Tiada				
Jumlah		8		Total			
JUMLAH JAM KREDIT							**123**

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air (SKA)** serta **Kursus Kepintaran Buatan Untuk Pemula (MCBS10017)** sebagai **syarat bergraduat.**
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit** elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke – 199 Tahun 2025

PROGRAMME SCHEME (INTERNATIONAL STUDENTS)

BACHELOR OF MANAGEMENT (POLICY STUDIES) WITH HONOURS

SESSION 2026/2027

Code	Course Name	Credit	Pre-Requisite	Code	Course Name	Credit	Pre-Requisite
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
POL3113	Introduction and Philosophy of Social Sciences	3 (3+0)	None	POL3213	Introduction to Community Management	3 (3+0)	None
POL3123	Introduction to Public Policy Management	3 (3+0)	None	POL3223	Theories of Public Administration	3 (3+0)	None
POL3133	Introduction To Political Science	3 (3+0)	None	POL3233	Public Policy Making	3 (3+0)	None
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET (Bands 3-6)	CCXXXX	Co Curriculum	2(0+2)	
MPU3102	Elementary Malay Language	2 (2+0)	None	MPU3152	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)	None
	Elective 1	3		MPU3162	Malaysian Citra	2(2+0)	None
	Elective 2	2			Elective 3	3	
					Elective 4	2	
Total		**19**		**Total**		**20**	
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
POL3313	Public Administrative Ethics	3 (3+0)	None	POL3413	Human Capital Management	3 (3+0)	None
POL3323	Introduction to Social Science Research Methods	3 (3+0)	None	POL3423	Comparative Public Policy	3 (3+0)	None
ECO3013	Introduction to Microeconomics	3 (3+0)	None	ECO3023	Introduction to Macroeconomics	3 (3+0)	None
BBB3022	The Art of Public Speaking	2 (2+0)	None	POL3414	Statistic and Data Analysis	4 (4+0)	None
	Elective 5	3		BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	None
	Elective 6	3			Elective 8	3	
	Elective 7	2					
Total		**19**		**Total**		**19**	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
ECO4373	Planning and Development of the Malaysia Economy	3 (3+0)	None	POL4613	Evaluation and Monitoring Programme	3 (3+0)	None
POL4513	International Relations	3 (3+0)	None	POL4623	Community and Governance System ASEAN	3 (3+0)	None
POL4524	Public Policy Analysis	4 (4+0)	None	POL4633-E	Environmental Management and Policy in Malaysia	3 (3+0)	None
	Elective 9	3		POL4643	Political Economy	3 (3+0)	None
	Elective 10	3			Elective 12	3	
	Elective 11	3			Elective 13	3	
Total		**19**			**Total**	**18**	
SEMESTER 7				SEMESTER 8			
POL4978	Industrial Training	8 (0+8)					
Total		8		Total			
TOTAL CREDIT							**123**

Notes:

1. Students are required to undertake the **Survival and Water Safety Program** and **Artificial Intelligence for Beginner (MCBS10017) as** a **condition to graduate.**
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the **number of elective credit hours** set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the **number** of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.
   Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke – 199 Tahun 2025

SINOPSIS KURSUS

Teras Program

POL3123 Pengenalan Pengurusan Dasar Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep-konsep asas, orientasi teori, aktor-aktor dan isu-isu yang berkaitan dalam pengurusan dasar awam. Topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah latar belakang berkenaan pengurusan dasar awam, isu-isu awam serta dasar, orientasi teori dalam pengurusan dasar awam, aktor-aktor yang terlibat dalam proses dasar dan isu-isu kontemporari dasar awam.

POL3133 Pengantar Sains Politik
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas mengenai sistem politik, teori, ideologi, dan struktur. Kursus ini merangkumi konsep-konsep utama, teori politik dari kedua-dua perspektif Islam dan Barat, serta penyelidikan mendalam mengenai rejim politik, organ-organ kerajaan, dan selok-belok struktur negara. Pelajar juga akan berinteraksi dengan isu-isu politik dunia sebenar, terutamanya yang berkaitan dengan Malaysia.

POL3113 Pengantar dan Falsafah Sains Sosial
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan disiplin disiplin bidang sains sosial seperti sosiologi, antropologi, psikologi, sejarah, ekonomi, sains politik dan geografi. Perbincangan dalam kursus ini adalah mengenai teori, falsafah, prinsip dan konsep konsep asas yang berkaitan dengan Sains Sosial yang meliputi sejarah sains sosial, simbol dan budaya, struktur sosial (elemen dan proses), stratifikasi sosial, interaksi sosial, sosialisasi, perubahan sosial, kelompok dan organisasi, institusi sosial, populasi, komuniti dan alam persekitaran.

POL3213 Pengenalan Pengurusan Komuniti
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep-konsep asas komuniti, sejarah bagi komuniti-komuniti manusia dan kaedah-kaedah menganalisis komuniti. Pelajar turut didedahkan kepada teori, strategi, model serta pendekatan kepada pengurusan komuniti terutamanya pendekatan 'bawah-atas' dan 'atas-bawah'.

POL3223 Teori Pentadbiran Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan beberapa aspek penting dalam pentadbiran awam dan kajian dasar. Ia merangkumi perbincangan tentang isu pembangunan dan normatif yang penting dalam kajian pentadbiran awam. Aspek lain seperti pendekatan, falsafah, teori dan etika pentadbiran awam juga akan dibincangkan.

POL3323 Kaedah Penyelidikan Sains Sosial
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas, reka bentuk penyelidikan, proses penyelidikan dan prosedur kepada kaedah penyelidikan sains sosial. Penekanan diberikan kepada pendekatan dan teknik penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Topik merangkumi konteks kaedah penyelidikan sains sosial, konsep asas, proses penyelidikan, kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif, kaedah campuran dan pembangunan rancangan penyelidikan.

POL3413 Pengurusan Modal Insan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar pengetahuan tentang keseluruhan proses pengurusan modal insan dalam sesebuah organisasi. Ini akan membantu pelajar memahami jangkaan dan cabaran di tempat kerja sebenar

POL3414 Statistik Dan Analisis Data
- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka bentuk untuk memperkenalkan konsep asas statistik dalam Sains Sosial seperti data, taburan data, pembolehubah, tahap pengukuran, hipotesis, ujian deskriptif (kecenderungan berpusat dan serakan) dan ujian statistik inferensi. Kursus ini menggabungkan kedua-dua sesi kuliah dan makmal amali dengan melibatkan analisis data menggunakan IBM SPSS Statistics. Secara khusus, pelajar akan didedahkan kepada ujian-t, anova, ujian khi kuasa dua, jadual analisis silang, korelasi, regresi dan juga analisis penengah (menggunakan kaedah Ujian Sobel dan Monte Carlo) dan analisis moderasi (analisis interaksi Dawson). Pelajar juga akan dibimbing untuk menjalankan kajian kuantitatif, bermula daripada menyediakan/menterjemah soal selidik, mengumpul data, menganalisis data, melaporkan dan membincangkan keputusan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat memahami konsep statistik dan menggunakan program IBM SPSS Statistics untuk analisis data.

POL4513 Hubungan Antarabangsa
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada pelbagai teori dan isu hubungan antarabangsa. Topiknya merangkumi latar belakang, perkembangan, skop dan definisi hubungan antarabangsa, tahap analisis, pendekatan teori dan konsep, politik alam sekitar antarabangsa, ekonomi politik antarabangsa dan keselamatan antarabangsa.

POL3233 Pembentukan Dasar Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan latar belakang dan konteks mengenai pembentukan dasar awam. Kursus ini meneliti proses pembentukan dasar awam secara langkah demi langkah. Ia menerangkan bagaimana masalah dasar awam ditakrifkan dan dimasukkan ke dalam agenda pembuat dasar. Kursus ini juga membincangkan bagaimana pembuat dasar menyelesaikan masalah dasar dan memilih alternatif dasar tertentu. Kursus ini turut menerangkan bagaimana sesuatu dasar akan dinilai untuk menentukan sama ada masalah tersebut telah diselesaikan atau tidak.

POL3423 Komperatif Dasar Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar-pelajar kepada satu pengenalan yang menyeluruh dalam bidang Perbandingan Dasar Awam. Ia menyediakan pelajar dengan perkara-perkara yang diperlukan untuk menganalisis dan menilai dasar-dasar di pelbagai negara secara perbandingan. Topik utama yang dibincangkan termasuk sumber-sumber dasar perbandingan, memahami komponen-komponen asas untuk perbandingan dasar yang berkesan, penetapan agenda dalam pembuatan dasar perbandingan, mengenal pasti program-program yang berjaya, menjalankan analisis perbandingan dalam pelbagai persekitaran institusi, dan mengambil pengajaran daripada pengalaman antarabangsa. Di akhir kursus ini, pelajar akan memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menilai dan membandingkan dasar awam secara kritikal merentasi pelbagai negara, membolehkan mereka mengambil pengajaran yang berharga daripada pengalaman global untuk memaklumkan pembuatan dasar yang berkesan.

ECO4373 Perancangan Dan Pembangunan Ekonomi Malaysia
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai proses penggubalan kandungan serta perlaksanaan dasar serta strategi pembangunan seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pertanian Negara, Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Wawasan 2020. Ia juga memberi pendedahan kepada fungsi, peranan dan operasi agensi-agensi pembangunan termasuk Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan-jabatan Perikanan, Pertanian, FELDA, RISDA, FELCRA, Bank Negara dan Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan. Pelajar juga akan diberi latihan merangka, menyedia, dan membentang kertas kerja mengenai topik-topik terpilih tentang perancangan dan pembangunan.

POL4623 Komuniti Dan Sistem Governan ASEAN
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan komuniti dan sistem governan ASEAN serta bagaimana ia dipengaruhi oleh globalisasi. Ia akan membincangkan komuniti dan sistem governan tiga tonggak Komuniti ASEAN, iaitu keselamatan-politik, ekonomi, dan sosio-budaya. Kursus ini juga akan membincangkan interaksi ASEAN dengan blok-blok serantau yang lain. Pelajar akan menganalisis perkembangan, isu-isu, kesan dan cabaran berkaitan topik yang dibincangkan.

POL4524 Analisis Dasar Awam
- Jam Kredit : 4 (4+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan penerokaan komprehensif mengenai analisis dasar awam. Kursus ini merangkumi proses analisis dasar awam secara analitikal, mendalami teori serta amalan utama yang mendasari bidang ini, dan mengkaji isu-isu semasa yang relevan dalam konteks dasar awam. Melalui kursus ini, pelajar akan memperoleh pemahaman mendalam tentang isu-isu kontemporari serta membangunkan asas pengetahuan yang kukuh dalam analisis dasar awam.

POL4613 Penilaian dan Pemantauan Program
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini melengkapkan pengetahuan teknikal pelajar dalam kajian dasar awam. Kursus ini mendedahkan pelajar tentang kepentingan penilaian dan pemantauan dalam pelbagai program dan projek pengurusan serta pentadbiran.

POL3313 Etika Pengurusan Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan kepada teori dan amalan etika pentadbiran secara umum. Bagaimanapun, banyak contoh daripada konteks Malaysia akan digunakan untuk menjelaskan etika pentadbiran di negara ini. Pelajar akan didedahkan dengan teori etika dalam pengurusan etika pentadbiran. Analisis mendalam tentang sifat, jenis tanggungjawab, dan dilema etika pegawai awam akan dijalankan. Perbincangan mengenai pendekatan integriti dan pematuhan, serta kekuatan dan kelemahan mereka dalam menangani salah laku etika di kalangan pegawai awam akan dibentangkan. Kursus ini diakhiri dengan mengemukakan cadangan strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan pengurusan etika pentadbiran di Malaysia.

POL4633E Polisi dan Pengurusan Persekitaran di Malaysia
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan konsep asas berkaitan pengurusan persekitaran, prinsip ekologi dan komponen-komponen berkaitan alam sekitar. Kursus ini juga membincangkan konsep pembangunan lestari berkaitan persekitaran serta menilai sistem pengurusan alam sekitar dan corak pelaksanaan di Malaysia. Selain itu, kursus ini turut membincangkan bentuk polisi di peringkat nasional dan juga antarabangsa yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam mencapai agenda pembangunan lestari.

POL4643 Ekonomi Politik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka dengan mendalam mengenai persimpangan antara ekonomi dan politik, dengan tumpuan kepada proses pembuatan keputusan dalam sektor awam. la memperkenalkan pelajar kepada bidang ekonomi politik, asal-usulnya, dan pendekatan utama, dengan menekankan peranan dasar ekonomi dan dinamik politik dalam membentuk keputusan sektor awam. Kursus ini merangkumi konsep asas seperti analisis kos-manfaat, alat pembuatan keputusan strategik seperti teori permainan dan pokok keputusan, serta analisis isu kritikal seperti ketidakterjaminan tenaga, masyarakat rendah karbon, dan dasar pertanian. Sepanjang kursus ini, pelajar akan memperoleh pandangan praktikal tentang cara-cara gerakkuasa politik dan ekonomi membentuk pembuatan keputusan sektor awam. Dengan melibatkan diri dalam kajian kes, rangka kerja teori, dan alat strategik, pelajar akan membangunkan kemahiran analitikal yang diperlukan untuk menilai ekonomi politik secara kritikal dalam konteks tempatan dan global.

ECO3023 Pengenalan kepada Makroekonomi
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini menjelaskan dengan mendalam konsep perakaunan pendapatan, guna tenaga, inflasi dan pengangguran, dasar-dasar makroekonomi dan model-model makroekonomi.

ECO3013 Pengenalan kepada Mikroekonomi
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi topik-topik teori gelagat pengguna termasuk konsep keanjalan, teori pengeluaran dan kos pengeluaran, analisis perletakan harga dan keluaran dalam pelbagai struktur pasaran, implikasi kebajikan dan pasaran faktor-faktor pengeluaran.

POL4978 Latihan Industri
- Jam Kredit : 8 (8+0)
- Prasyarat : Tiada

Latihan Industri adalah kursus yang ditetapkan untuk menyediakan pengalaman kerja awal untuk pelajar tahun akhir dalam tempoh tertentu. Melalui Latihan Industri, pelajar dapat memperoleh pengalaman kerja sebenar untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insaniah seperti komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Mereka boleh belajar untuk mengembangkan potensi kerjaya dan personaliti untuk memenuhi jangkaan majikan dan permintaan pasaran buruh.

Elektif Program

POL3063 Sosiologi Industri
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep teori sosiologi yang diaplikasikan dalam pembangunan industri. Ia memberi tumpuan kepada pelbagai teori sosiologi yang berkaitan dengan industri, aplikasi teori dalam industri, dan masyarakat secara am.

POL3023 Pembangunan Manusia dan Polisi Sosial
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori pembangunan manusia, undang-undang dan institusi yang membangunkan kemanusiaan. Proses perancangan, dasar sosial dan personel, isu semasa dalam pembangunan insan turut dibincangkan.

POL4023 Demografi dan Dinamik Populasi
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas demografi dan dinamik penduduk dengan merujuk data perangkaan demografi di sesebuah negara. Kursus ini mencakupi teknik asas analisis demografi, sumber data, unjuran penduduk, pertumbuhan penduduk, kesuburan, jangka hayat, kematian, migrasi, pembandaran dan taburan penduduk yang diinterpretasi daripada banci penduduk dan perumahan semasa. Kursus ini juga menyampaikan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial yang mampu diaplikasi sepanjang hayat. Selain itu, kursus ini turut membincangkan garis panduan, polisi dan dasar kependudukan yang dipraktis di sesebuah negara.

POL4033 Penilaian Impak Sosial
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada bidang Penilaian impak Sosial yang cuba menilai kesan sebenar sesuatu projek pembangunan terhadap masyarakat. Kursus ini membincangkan pelbagai aspek penilaian impak sosial yang merangkumi konsep, teori, prinsip, kaedah dan pengauditan impak sosial yang diambil daripada pengalaman penilaian impak di Malaysia dan negara-negara lain.

POL4053 Polisi Kependudukan dan Demografi Malaysia
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas yang digunakan di banyak negara untuk mengawal pertumbuhan penduduk. Kesuburan merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk sesebuah negara. Kursus ini membincangkan dasar kependudukan untuk mengawal pertumbuhan penduduk. Ia dimulakan dengan pengenalan kajian polisi kependudukan dan demografi Malaysia dan membincangkan hubungan antara pertumbuhan penduduk dan pembangunan negara. Ia juga membincangkan faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi kesuburan dan biososial dan membincangkan pengalaman beberapa negara untuk memanipulasi keputusan menurunkan pertumbuhan penduduk. Di akhir kursus ini, pelajar didedahkan kepada beberapa aspek ciri-ciri demografi di Malaysia.

POL3033 Perancangan dan Pembangunan Lestari
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep, rasional, dan dimensi ke arah pembangunan lestari. Pengukuran kemampanan, penggunaan petunjuk dan teknik perancangan, pendekatan penyertaan, serta peranan pihak berkepentingan dan halangan untuk mencapai pembangunan mampan turut diliputi. Ia juga membincangkan isu berkaitan penduduk, pembandaran, kualiti hidup, dan isu alam sekitar ke arah pembangunan mampan.

ECO4001 Ekonomi Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan mengenai peranan dan kepentingan ekonomi sektor awam. Tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah termasuk teori barangan awam, perletakan harga, pertumbuhan dan pembiayaan sektor awam, analisis kos faedah dan sistem undian. Perbincangan mendalam akan terfokus kepada faktor-faktor kegagalan pasaran, penglibatan kerajaan dalam menentukan sistem pencukaian terbaik dan pengagihan semula pendapatan.

POL4043 Pembangunan dan Perubahan Sosial
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep pemodenan dan pembangunan komuniti. Kursus ini bermula dengan penerangan tentang konsep, isu, trend dan faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan sosial. Pada akhir kursus ini, pelajar akan memberi tumpuan kepada ejen perubahan serta isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan.

POL4013 Perlaksanaan Dasar Awam
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan institusi, proses dan amalan yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar dalam sektor awam. Penekanannya adalah kepada fungsi dan peranan sektor awam dalam kerajaan demokrasi dan cara menambah baik pelaksanaan dasar pada Abad ke-21. Topik termasuk perspektif pelaksanaan dasar, perkhidmatan awam, birokrasi dan birorat peringkat jalanan; hubungan antara organisasi; melaksanakan dasar kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan; akauntabiliti dan institusi awam dalam tadbir urus moden; menguruskan pembaharuan dasar, kawasan pilihan raya dan orang ramai; dan organisasi program, projek dan rancangan.

POL3042 Pengenalan Perancangan Strategik
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini membentangkan pendekatan penting yang digunakan dalam perancangan strategik oleh sektor awam. Aspek lain dalam perancangan strategik termasuk prinsip asas, proses dan aplikasi teori yang terdapat dalam perancangan strategik oleh organisasi awam.

POL3053 Sosiologi Perbandaran
- Jam Kredit : 3 (3+0)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas sosiologi dan proses urbanisasi. Kawasan bandar sebagai pusat pemodenan perlu difahami memandangkan kehidupan di kawasan bandar jauh lebih rumit. Perubahan dalam norma, keperluan pendidikan dan infrastruktur kepada orang ramai juga dikaji. Perubahan dalam institusi sosial dan sistem kekeluargaan sebagai asas perancangan bandar yang mesra rakyat turut dibincangkan.

Elektif

POL4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I
- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan elemen asas dalam menjalankan projek tahun akhir. Kursus ini merangkumi pengenalpastian aspek penting penyelidikan seperti penyelesaian masalah, hipotesis dan objektif berkaitan penyelidikan yang dijalankan. Ia juga melibatkan penulisan ulasan kerja, kepentingan kajian dan sumbangan hasil yang diharapkan kepada Projek Tahun Akhir II. Ia menyediakan pelajar dengan kemahiran menulis dan persembahan teknikal.

POL4993 Projek Ilmiah Tahun Akhir II
- Jam Kredit : 3 (0+3)
- Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan penghasilan cadangan daripada Projek Tahun Akhir I. Penekanan akan diberikan kepada analisis data, pembentangan keputusan dan pembangunan artikel. Kursus ini memberi tumpuan kepada elemen lanjutan dalam menjalankan projek tahun akhir berdasarkan bidang pengkhususan yang dikenal pasti.

SINOPSIS KURSUS TERAS UNIVERSITI

Kursus : BBB3013 Academic Writing Skills
Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : MUET (Bands 3-6)

This course is designed to develop students' competence in writing. It introduces students to the skills needed to become effective writers. Students will be guided through the main stages in writing such as pre-writing, outlining, drafting, and revising which will enable them to produce well-organised and adequately developed essays. Emphasis is also given on creative and critical thinking which are integral to the writing process.

Kursus : BBB3033 English For Occupational Purposes
Kredit : 3 (3+0)

The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum, and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in workplace situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the workplace.

Kursus : MPU3223 Asas Keusahawanan
Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuhi alam kerjaya kelak.

MPU3132 : Penghayatan Etika dan Peradaban
Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

MPU3142 : Falsafah dan Isu Semasa
Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

HUBUNGI KAMI



Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

09 633 4222
fbesd@umt.edu.my
https://fbesd.umt.edu.my/
www.facebook.com/OfficialFBESD